



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61

26hb Oktober 2017

No. 22

No. 872.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976

PELANTIKAN PENGERUSI LEMBAGA RAYUAN NEGERI PULAU PINANG

APPOINTMENT OF CHAIRMAN OF THE APPEAL BOARD OF THE STATE OF PENANG

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 36(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang, dengan persetujuan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, melantik Dato' Yeo Yang Poh sebagai Pengurusi Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai dari tarikh Pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by paragraph 36(2)(a) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], the State Authority of Penang, with the concurrence of the Minister Of Urban Wellbeing, Housing and local Government, appoints Dato' Yeo Yang Poh as Chairman of the Appeal Board for the State of Penang for a period of three years with effect from the date of publication of this Notification in the Gazette.

Bertarikh 5 September 2017

Dated 5 September 2017

[PSUKPP/(S)/04/0506/5-1 Klt. 9(26); PUNPP 352/100/1/2/EA/19]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Pulau Pinang/

Clerk of

State Executive Council

Penang

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1300

[26hb Okt. 2017]

Saya bersetuju/
I concur

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan
Kerajaan Tempatan/
Minister of Urban Wellbeing, Housing and Local
Government

No. 873.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

*ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004*

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN TIMBALAN MUFTI

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT OF DEPUTY MUFTI

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 44(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [Enakmen 2], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, telah melantik Haji Aminudin bin Mohamad sebagai Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2017.

In exercise of the powers conferred by subsection 44(1) of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [Enactment 2], the Yang di-Pertuan Agong, on the advice of the State Executive Council, has appointed Haji Aminudin bin Mohamad as Deputy Mufti of the State of Penang with effect from 1 August 2017.

Pembatalan Pelantikan

2. Pelantikan Haji Mamat bin Said sebagai Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No. 86. bertarikh 13 Februari 2014 dibatalkan berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2017.

Revocation of Appointment

2. The appointment of Haji Mamat bin Said as Deputy Mufti of the State of Penang as published in the Gazette of the State Government of Penang No. 86. dated 13 February 2014 is revoked with effect from 1 August 2017.

Bertarikh 26 September 2017

Dated 26 September 2017

[JMNPP/(R)/10/0603/001; PUNPP 352/100/1/2/EA/2 Jld. 5]

Dengan Titah Perintah/*By Command,*

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pulau Pinang/
Clerk of
State Executive Council
Penang

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

*NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)*

No. 874.

(Seksyen 130)

NOTIS PENGEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah telah diisyiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Bandar—Gelugor, Daerah Timur Laut. No. Lot—968. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 10741. Luas—43.1985 meter persegi.

Bertarikh 5 Oktober 2017

*Pentadbir Tanah
Daerah Timur Laut
Pulau Pinang*

No. 875.

(Seksyen 130)

NOTIS PENGEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah telah diisyiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1302

[26hb Okt. 2017]

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Bandar—Georgetown, Seksyen 6, Daerah Timur Laut. No. Lot—3270. Perihal dan No. Hakmilik—GRN 69220. Luas—0.1000 meter persegi.

Bertarikh 5 Oktober 2017

*Pentadbir Tanah
Daerah Timur Laut
Pulau Pinang*

No. 876.

(Seksyen 130)

NOTIS PENGEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah telah diisyiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—13, Daerah Timur Laut. No. Lot—5402. Perihal dan No. Hakmilik—GRN 17826. Luas—110.0000 meter persegi.

Bertarikh 5 Oktober 2017

*Pentadbir Tanah
Daerah Timur Laut
Pulau Pinang*

No. 877.

(Seksyen 130)

NOTIS PENGEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

PEMBETULAN

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 699 yang disiarkan pada 31 Ogos 2017, dipinda perkataan “[PTTL/PP/UH/11/17/2016]” dalam ruangan rujukan fail dengan perkataan “[PTTL/PP/UH/11/51/2016]”.

[PTTL/PP/UH/11/51/2015]

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

26hb Okt. 2017]

1303

No. 878.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

JADUAL

Mukim—13, Daerah Timur Laut. No. Lot—6576. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 6171/M1/18/153 STRATA. Luas—64 meter persegi.

Bertarikh 2 Oktober 2017 MOHD NIZAM BIN MOKHTAR
[PTG/STRATA/02/SP/019 Jld. 2 KLT. 84] *Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 879.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

JADUAL

Mukim—13, Daerah Timur Laut. No. Lot—6576. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 6171/M4/15/547 STRATA. Luas—64 meter persegi.

Bertarikh 2 Oktober 2017 MOHD NIZAM BIN MOKHTAR
[PTG/STRATA/02/SP/019 Jld. 2 KLT. 85] *Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1304

[26hb Okt. 2017]

No. 880.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

JADUAL

Mukim—13, Daerah Timur Laut. No. Lot—6576. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 6171/M1/12/95 STRATA. Luas—51 meter persegi.

Bertarikh 2 Oktober 2017 MOHD NIZAM BIN MOKHTAR
[PTG/STRATA/02/SP/019 Jld. 2 KLT. 86] *Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 881.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

JADUAL

Mukim—13, Daerah Timur Laut. No. Lot—6576. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 6171/M6/9/723 STRATA. Luas—64 meter persegi.

Bertarikh 2 Oktober 2017 MOHD NIZAM BIN MOKHTAR
[PTG/STRATA/02/SP/019 Jld. 2 KLT. 87] *Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

26hb Okt. 2017]

1305

No. 882.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

JADUAL

Mukim—13, Daerah Timur Laut. No. Lot—6576. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 6171/M2/18/298 STRATA. Luas—64 meter persegi.

Bertarikh 2 Oktober 2017 MOHD NIZAM BIN MOKHTAR
[PTG/STRATA/02/SP/019 Jld. 2 KLT. 88] *Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 883.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

JADUAL

Mukim—13, Daerah Timur Laut. No. Lot—8758. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 37350/M2/9/2 STRATA. Luas—48 meter persegi.

Bertarikh 9 Oktober 2017 MOHD NIZAM BIN MOKHTAR
[PTG/STRATA/02/SP/019 Jld. 2 KLT. 79] *Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1306

[26hb Okt. 2017]

No. 884.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang musnah (STRATA).

JADUAL

Mukim—1, Daerah Seberang Perai Tengah. No. Lot—4568. Jenis dan No. Hakmilik—Pajakan Negeri 1119/M1/4/4 STRATA. Luas—51 meter persegi.

Bertarikh 11 Oktober 2017 MOHD NIZAM BIN MOKHTAR
[PTG/STRATA/02/SP/019 Jld. 2 KLT. 89] *Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 885.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

JADUAL

Bandar—Georgetown, Seksyen 5, Daerah Timur Laut. No. Lot—4791. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 67638/M2/7/676 STRATA. Luas—44 meter persegi.

Bertarikh 11 Oktober 2017 MOHD NIZAM BIN MOKHTAR
[PTG/STRATA/02/SP/019 Jld. 2 KLT. 91] *Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 886.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Mukim—11, Daerah Barat Daya. No. Lot—20080. Jenis dan No. Hakmilik—Hakmilik Sementara Mukim 787. Luas—669.0 meter persegi.

Bertarikh 5 Oktober 2017
[PTBD/P/46 Jld. 9(3)]

FARAH FIRDAUS BINTI MOHD SHARIFF
*b.p. Pentadbir Tanah
Daerah Barat Daya
Pulau Pinang*

No. 887.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Bandar—Georgetown, Seksyen 9W, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—185. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 11513. Luas—448.707 meter persegi.

Bertarikh 6 Oktober 2017
[PTG/PP/76/Jld. 68(17) dlm.(5)]

ROSFIHAN BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1308

[26hb Okt. 2017]

No. 888.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Bandar—Georgetown, Seksyen 9W, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—1036. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 13419. Luas—408.4813 meter persegi.

Bertarikh 6 Oktober 2017
[PTG/PP/76/Jld. 68(18) dlm.(5)]

ROSFIHAN BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 889.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Mukim—7, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. No. Lot—20277. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 148651. Luas—6.033 hektar.

Bertarikh 6 Oktober 2017
[PTG/PP/76/Jld. 68(19) dlm.(5)]

ROSFIHAN BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

26hb Okt. 2017]

1309

No. 890.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN BERSYARAT YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran sementara yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Bandar—Bukit Mertajam, Seksyen 6, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Plot—138. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 16S6. Luas—195.8332 meter persegi.

Bertarikh 6 Oktober 2017
[PTG/PP/76/Jld. 68(20) dlm.(5)]

ROSFIAH BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 891.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN BERSYARAT YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran sementara yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Mukim—12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. No. Plot—T251. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 3142. Luas—130.06 meter persegi.

Bertarikh 6 Oktober 2017
[PTG/PP/76/Jld. 68(21) dlm.(5)]

ROSFIAH BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 892.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAIN

Saya, Rozila binti Zulkifly, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan ini, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 15 November 2017 pada 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM750,000.00 (Tujuh Ratus Lima Puluh Ribu Ringgit Malaysia Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM578,002.76. Nama pemegang gadaian—CIMB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM75,000.00 (Tujuh Puluh Lima Ribu Ringgit Malaysia Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 15 Mac 2018 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—1, Daerah Seberang Perai Utara. No. Lot—855. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 579. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0702SC2005001718.

Bertarikh 29 September 2017
[PTSPU(L) 06/2017(29)]

ROZILA BINTI ZULKIFLY
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Utara
Pulau Pinang*

No. 893.

(Seksyen 321)

NOTIS MENGENAI KEMASUKAN KAVEAT

Kepada Lim Ghek Tang yang beralamat di 150, Lebuh Perwira 2, Taman Perwira, Permatang Tinggi, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, tuan punya tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Kamu adalah memaklumkan bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 321, saya telah pada hari ini memasukkan dalam dokumen hakmilik daftaran bagi tanah tersebut:

- (a) suatu kaveat Pendaftar:

Kaveat ini bermaksud untuk mengikat keseluruhan tanah yang dinyatakan dalam Jadual tersebut dan kesannya ialah selama mana ia terus berkuat kuasa, ia melarang pendaftaran, pengendorsan atau pemasukan ke atas dokumen tersebut:

- (i) apa-apa instrument urusniaga,
- (ii) apa-apa tuntutan kepada faedah satu tenansi yang bebas daripada pendaftaran; dan
- (iii) apa-apa kaveat pemegang lien.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—15, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—5699. Jenis dan No. Hakmilik—Hakmilik Strata No. Hakmilik Geran 24205/M3/5/285. Bahagian Tanah (jika ada)—1/6 bahagian.

Bertarikh 19 Jun 2017
[PTG/STRATA/02/K/07 Jld. 2(11)]

NOORASHIKIN BINTI MAHMAD ADZIMI
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 894.

(Seksyen 321)

NOTIS MENGENAI KEMASUKAN KAVEAT

Kepada Faizah binti Che Don yang beralamat di Blok B-13, Flat Sutera, Taman Sutera, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang, tuan punya tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Kamu adalah memaklumkan bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 324, saya telah pada hari ini memasukkan dalam dokumen hakmilik daftaran bagi tanah tersebut:

- (a) suatu kaveat Sendirian atas permohonan:

Bank Simpanan Nasional

Kaveat ini bermaksud mengikat keseluruhan tanah yang dinyatakan dalam Jadual tersebut dan kesannya ialah bagi menghalang:

- (i) pendaftaran suratcara urusan,
- (ii) catatan mengenai tuntutan faedah di bawah tenansi; dan
- (iii) kemasukan kaveat pemegang lien.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—6, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—4180. Jenis dan No. Hakmilik—Hakmilik Strata Geran 82948/M6/2/482. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua.

Bertarikh 15 Ogos 2017
[0799B2017007573]

MOHD AZLY BIN CHE OMAR
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 895.

(Seksyen 321)

NOTIS MENGENAI KEMASUKAN KAVEAT

Kepada Mazlan bin Roxas yang beralamat di Blok B-13, Flat Sutera, Taman Sutera, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang, tuan punya tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Kamu adalah memaklumkan bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 324, saya telah pada hari ini memasukkan dalam dokumen hakmilik daftaran bagi tanah tersebut:

- (a) suatu kaveat Sendirian atas permohonan:

Bank Simpanan Nasional

Kaveat ini bermaksud mengikat keseluruhan tanah yang dinyatakan dalam Jadual tersebut dan kesannya ialah bagi menghalang:

- (i) pendaftaran suratcara urusan,
- (ii) catatan mengenai tuntutan faedah di bawah tenansi; dan
- (iii) kemasukan kaveat pemegang lien.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—6, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—4180. Jenis dan No. Hakmilik—Hakmilik Strata Geran 82948/M6/2/482. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua.

Bertarikh 15 Ogos 2017
[0799B2017007573]

MOHD AZLY BIN CHE OMAR
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 896.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Lim Poh Gaik (K/P 761105-07-5612) beralamat di 797, Permatang Damar Laut, 11960 Bayan Lepas, Pulau Pinang dan atas permintaannya Kaveat Persendirian Berdaftar No. 0704B2013000935 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat *tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuan punya tanah dalam kepentingan yang diperihalkan telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1314

[26hb Okt. 2017]

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—10241 dan 1658.
Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2805 dan G.M. 336. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua.

Bertarikh 9 Ogos 2017
[0704B2017000414]

*Pentadbir Tanah
Daerah Timur Laut
Pulau Pinang*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau distarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (**Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik**).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA